



JURNAL LINGUISTIK Vol. 28 (1) Mei 2024 (075-099)

Metafora dalam Filem Imaginur

¹Syahidah Ameerah Mohd Helmi & ^{*2}Rozaimah Rashidin

¹syahidahameera197@gmail.com, ²rozai451@uitm.edu.my

¹Pusat Pengajian Pascasiswazah (Penyelidikan), Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

²Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

¹Penulis Utama, ^{*2}Penulis Koresponden

Tarikh terima : 16 April 2024
Received
 Terima untuk diterbitkan : 25 Mei 2024
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2024
Published online

Abstrak

Metafora merupakan seni penggunaan bahasa yang digunakan untuk menyampaikan makna yang berlainan dengan makna sebenar sesuatu kata. Namun begitu, metafora bukan tentang makna perkataan semata-mata kerana ia turut merangkumi proses pemikiran manusia dan mengandungi makna yang abstrak serta implisit. Selain diaplikasikan dalam penghasilan karya sastera, metafora juga boleh digunakan dalam industri hiburan termasuklah dalam filem. Penggunaan metafora dalam filem berfungsi untuk menarik minat penonton tentang jalan penceritaan kerana ia juga merupakan satu bentuk strategi komunikasi yang mengandungi nilai estetika yang tinggi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan metafora dalam filem genre sains fiksi dan romantik iaitu *Imaginur* (2023) hasil karya Nik Amir Mustapha. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif kerana menganalisis data filem yang ditranskripsi untuk melihat bentuk metafora. Bentuk metafora yang dikenal pasti ialah metafora konvensional, metafora linguistik serta metafora bergambar atau *pictorial metaphor* yang diperkenalkan oleh Forceville (1996). Bentuk metafora yang telah dikenal pasti ini dianalisis menggunakan teori Hibrid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk metafora yang paling banyak digunakan dalam filem ini ialah metafora linguistik, diikuti dengan metafora bergambar serta metafora konvensional. Bentuk metafora yang terhasil ini dipengaruhi oleh tema dan latar belakang masyarakat moden dalam filem *Imaginur*. Ketiga-tiga bentuk metafora ini menghasilkan beberapa metafora konseptual seperti CINTA, MEMORI, FIKIRAN dan KEHIDUPAN. Penggunaan metafora konseptual ini bertepatan dengan jalan penceritaan filem *Imaginur*.

Kata kunci: Teori Hibrid; metafora linguistik; metafora bergambar; metafora konvensional; metafora konseptual; filem *Imaginur*

Metaphor in Imaginur Film

Abstract

Metaphor is an art of a language that conveys a different meaning from the literal meaning of words. It also includes human thought processes and contains abstract and implicit meanings. Apart from literature, metaphors can also be implemented in other works within the entertainment industry, including filmmaking. The use of metaphors in film piques the interest of the audience in the storyline as it is also a form of communication strategy that contains high aesthetic value. This study analyzed the use of metaphorical elements in a science-fiction and

romance movie, *Imaginur* (2023); directed by Nik Amir Mustapha. The form of metaphor identified are conventional metaphor, linguistic metaphor, conceptual metaphor as well as pictorial metaphor introduced by Forceville (1996). This qualitative study will analyze the transcribed film data to identify the metaphorical form. Metaphors that have been identified are then analyzed using Hybrid theory. The analysis found that the most used metaphor in the production of this film is linguistic metaphor, followed by pictorial metaphor and conventional metaphor. This result is influenced by the theme and modern society background in the film. These three forms of metaphor produce several conceptual metaphors such as LOVE, MEMORY, MIND, and LIFE. The use of this conceptual metaphor coincides with the storyline of the *Imaginur* film.

Keywords: Hybrid Theory; linguistic metaphor; pictorial metaphor; conventional metaphor; conceptual metaphor; *Imaginur* film

1. Pengenalan

Metafora diterjemahkan daripada perkataan Greek iaitu *metaphora* atau *metaphrein*. Meta bermaksud ‘di atas’ manakala kata ‘phrein’ bermaksud ‘membawa’. Oleh itu, metafora membawa maksud ‘perpindahan’ atau ‘memindahkan’. Menurut Za’ba (2000), metafora merupakan sebuah ungkapan yang mempunyai makna implisit. Ia merupakan asas kepada pembentukan buah fikiran dan makna yang mengandungi konsep tersirat didalamnya (Nor Hashimah Jalaluddin, 2017). Lazimnya, metafora dianggap hanya digunakan untuk bidang sastera seperti puisi, pantun dan sebagainya. Ia sering dianggap sebagai seni bahasa semata-mata (Lakoff dan Johnson, 1980). Walau bagaimanapun, penggunaan metafora ini turut digunakan dalam seni kontemporari seperti filem. Menurut Wan Nurhasyimah Wan Mohd Apandi dan Ahmad Rashidi Yan Ibrahim (2018), karya seni visual ini kebiasaannya dihasilkan oleh pengkarya dengan membentuk naratif sebagai tanda perlambangan dalam menyampaikan sesuatu mesej kepada penonton. Penggunaan metafora dalam penghasilan filem adalah sangat signifikan kerana ia dianggap sebagai alat berkomunikasi dalam filem. Penggunaan bahasa halus ini dapat menerapkan unsur-unsur nasihat, sindiran dan teguran kepada penonton (Hamidah Abdul Hamid, 1995).

Dalam perspektif kajian semantik kognitif, metafora terbahagi kepada dua bentuk iaitu metafora konvensional dan metafora linguistik. Metafora konvensional merupakan metafora yang hadir dalam bentuk perbandingan, peribahasa, simpulan bahasa, hiperbola, metonimi dan bahasa kiasan manakala metafora linguistik ialah metafora dalam bentuk ujaran, ayat, kata atau frasa bersifat metaforikal. Kedua-dua bentuk metafora ini menghasilkan metafora konseptual yang mempunyai tiga jenis iaitu metafora ontologi, metafora orientasi, dan metafora struktural. Metafora orientasi merupakan peluasan makna bagi domain bukan ruang, metafora ontologi pula ialah penggunaan konsep abstrak dalam pembentukan metafora. Misalnya, emosi persekitaran atau sesuatu yang bersifat konkrit. Metafora struktural pula ialah perkara yang bersandarkan kepada pengalaman hidup seseorang. Pengalaman tersebut dijadikan domain yang memberi pemahaman tentang sesuatu konsep.

Selain itu juga, metafora bergambar atau *pictorial metaphor* merupakan salah satu konsep dalam semantik kognitif yang diperkenalkan oleh Forceville (1996). Menurut Forceville, sesuatu gambar boleh mengandungi metafora yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu makna lebih daripada makna secara literal, seperti penggunaan metafora dalam bahasa verbal. Metafora bergambar hadir apabila sesuatu elemen visual (sasaran) dibandingkan dengan elemen visual (sumber) yang tergolong daripada kategori atau kerangka makna yang berlainan. Forceville menjalankan kajian tentang metafora bergambar daripada perspektif konseptual dengan menggunakan teori Interaksi untuk menerangkan komposisi dan klasifikasi dalam metafora bergambar. Kemudian, model metafora bergambar ini diluaskan lagi kepada metafora bukan lisan dan metafora multimodal. Model kajian tersebut diterapkan dalam genre kajian yang berbeza. Misalnya dalam iklan, komik, buku informatif, filem dan lain-lain (Wang, 2021).

1.1 Penyataan Masalah

Metafora banyak digunakan dalam karya agung sebagai bahasa kiasan untuk menggambarkan pemikiran dan idea manusia (Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin, 2013). Menurut Sharipah Nur Mursalina (2017) pula, metafora turut digunakan dalam filem yang bertujuan untuk menyampaikan

mesej, dan ujaran yang mengandung metafora secara tidak langsung menghadirkan makna yang berlainan daripada makna asalnya. Kelainan makna daripada makna asal ini menyebabkan mesej yang cuba disampaikan dalam filem tersebut agak sukar difahami oleh penonton.

1.2 Objek Kajian

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat kepada unsur metafora yang digunakan dalam filem *Imaginur* serta menganalisis metafora yang digunakan dalam filem ini. *Imaginur* merupakan sebuah filem yang bertemakan cinta dan sains fiksi hasil arahan Nik Amir Mustapha. Penonton menyifatkan penceritaan dalam filem ini sebagai naskhah penuh ‘pertanyaan’ dan sesuatu yang ‘luar kotak’ (Syafil Syazwan Jefri, 2023). Sehubungan itu, kajian ini dijalankan khusus untuk mengenal pasti dan menganalisis bentuk metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora bergambar yang digunakan dalam filem ini. Unsur metafora tersebut yang diperoleh akan dianalisis menggunakan teori Hibrid oleh Tendahl (2009) dan Stöver (2010).

2. Kajian Literatur

Kajian literatur dalam penulisan ini dibahagikan kepada tiga kajian iaitu kajian metafora konseptual, kajian metafora bergambar dan kajian metafora dalam filem. Kajian ini mempunyai beberapa perbezaan dan persamaan dengan kajian-kajian lepas. Perbezaan dan persamaan ini dilihat sama ada daripada aspek data kajian, kerangka konsep dan kerangka teori yang digunakan, serta metodologi kajian.

2.1 Kajian Metafora Konseptual

Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Imran-Ho Abdullah (2017) menjalankan kajian tentang perbandingan metafora konseptual iaitu *KEHIDUPAN ADALAH PERJALANAN*. Metafora konseptual tersebut telah dikenal pasti dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis. Novel Bahasa Melayu yang digunakan dalam kajian ini adalah novel *Salina* karya A Samad Said dan novel *La Vue Devant Soi* karya Romain Gary. Analisis data dijalankan dengan menggunakan kerangka Teori Metafora Konseptual dan Teori Metafora Primer dan Kompleks. Hasil gabungan teori-teori ini mendapati bahawa metafora bukan hanya penggunaan bahasa tetapi juga melibatkan unsur linguistik ekstra seperti budaya, gaya pemikiran dan sudut pandang Masyarakat tentang isu atau perkara yang dibahaskan. Persamaan antara kajian Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Imran-Ho Abdullah (2017) dengan kajian yang akan dijalankan adalah penggunaan teori metafora konseptual oleh Lakoff dan Johnson (1980). Prosedur pengenalan metafora yang digunakan dalam kajian tersebut juga sesuai digunakan dalam penghasilan kajian ini.

Seterusnya ialah kajian oleh Rozaimah Rashidin et al. (2023). Kajian tersebut merupakan kajian yang melihat kepada ekolinguistik dalam temu bual isu covid-19 dan kemurungan di Langkawi, Malaysia. Kajian ini menganalisis temu bual tentang perkaitan antara isu covid-19 dengan kemurungan dalam kalangan penduduk di Pulau Tuba, Langkawi, Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan Model Analisis Bahasa dan Ekologi oleh Stibbe (2015) yang melihat kepada dua bentuk naratif iaitu naratif penilaian dan naratif metafora. Analisis naratif penilaian melihat kepada cara naratif covid-19 dan kemurungan dipersembahkan manakala naratif metafora melihat kepada cara penutur menggunakan konsep elemen abstrak dalam bentuk elemen konkrit dalam proses temu bual. Teori Hibrid digunakan untuk menganalisis naratif metafora ini. Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan data primer. Data primer yang diperoleh merupakan hasil transkripsi temu bual dengan responden di Pulau Tuba, Langkawi. Hasil kajian menunjukkan terdapat penggunaan metafora konseptual dalam ujaran tentang rezeki, ekonomi, perniagaan, perbelanjaan, dan perkara-perkara yang menjejaskan aspek sosial dan kehidupan mereka semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kesimpulannya, kajian Rozaimah Rashidin et al. (2023) ini mempunyai perbezaan dengan kajian yang akan dijalankan kerana turut melihat kepada naratif penilaian dalam temu bual tentang perkaitan isu covid-19 dan kemurungan. Walau bagaimanapun, teori Hibrid yang digunakan untuk menganalisis metafora adalah sama dengan kajian yang dijalankan.

Rozaimah Rashidin, Nor Umiumairah Mohamad dan Zuraidah Jantan (2023) menjalankan kajian yang menganalisis ungkapan metafora yang terkandung dalam empat bab pertama buku *Falsafah Hidup* karya Hamka. Analisis metafora tersebut merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan Teori Hibrid oleh Tendahl (2009) sebagai kerangka teori. Hasil analisis menunjukkan bahawa metafora konseptual yang terkandung dalam buku *Falsafah Hidup* karya Hamka terdiri daripada tiga jenis iaitu metafora orientasi, metafora ontologi dan metafora struktural. Ketiga-tiga metafora ini digunakan untuk menggambarkan konsep kehidupan, akal dan fikiran kepada pembaca. Kesimpulannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman penerapan teori Hibrid dalam menganalisis metafora. Kajian oleh Rozaimah Rashidin, Nor Umiumairah Mohamad dan Zuraidah Jantan (2023) ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji dari aspek data kajian kerana data kajian tersebut ialah berbentuk penulisan buku manakala pengkaji menggunakan data transkripsi filem *Imaginur*.

2.2 Kajian Metafora Bergambar

Kajian seterusnya ialah kajian yang mengaplikasikan teori Metafora Bergambar (*pictorial metaphor*) oleh Forceville (1996). Kajian oleh Wujuan Wang (2021) ini dilakukan untuk meneliti bagaimana penggunaan metafora bergambar dan multimodal dapat memberi pemahaman kepada kanak-kanak tentang isi kandungan buku tersebut, dan menarik minat mereka dalam penceritaan buku tersebut. Kajian ini dilakukan terhadap buku bergambar yang bertajuk *“Inside the Human Body”* yang merupakan siri daripada *The Magic School Bus*. Naskah ini merupakan karya Joanna Cole dan ilustrasi didalamnya oleh Bruce Degen. Kerangka teori kajian ini adalah menggunakan pendekatan pengkategorian metafora bergambar dan multimodal Forceville yang dilihat daripada tiga aspek iaitu cara naratif metafora dibina, cara watak dibentuk dan cara penyampaian metafora bergambar dan multimodal digunakan untuk dalam menyampaikan mesej kepada pembaca. Hasil analisis menunjukkan bahawa penggunaan metafora bergambar dan multimodal dalam buku bergambar ini menjadikan penceritaannya lebih menarik dan menonjolkan identiti watak utama dengan lebih berkesan sama ada secara verbal atau bergambar. Metafora dalam siri ini hadir dalam dua bentuk iaitu metafora bergambar dan metafora lisan-bergambar (*verbo-pictorial*). Kesimpulannya, penggunaan metafora bergambar dan multimodal memainkan peranan penting dalam penyampaian maklumat kompleks dengan lebih berkesan khususnya kepada kelompok pembaca muda. Kajian oleh Wang (2011) ini berbeza daripada aspek data kajian iaitu Wang (2011) menggunakan teori metafora bergambar Forceville untuk menganalisis kandungan buku kanak-kanak, manakala pengkaji pula mengaplikasikan teori metafora bergambar dalam filem *Imaginur*.

Selain itu, Isabel Negro Alousque (2015) turut menjalankan kajian metafora visual dalam pengiklanan. Kajian tersebut dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis metafora visual dalam pengiklanan dengan mengkategorikan cara perkaitan imej dan teks untuk menghasilkan metafora dalam iklan. Data yang digunakan dalam kajian ini dibataskan kepada 200 korpus iklan dalam talian. Daripada 200 iklan tersebut, pengkaji hanya menganalisis sembilan iklan terpilih secara terperinci. Pemilihan dibuat berdasarkan berdasarkan kepada gabungan maklumat visual dan lisan, penggunaan metafora dalam gambar dan juga ilustrasi yang menggambarkan kepelbagaian teks dan imej. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan teks dalam iklan adalah digunakan untuk mengukuhkan metafora yang terkandung dalam imej, menggabungkan teks dan imej untuk membentuk metafora visual dan mendedahkan makna metafora dalam sesuatu gambar. Selain itu, fungsi pragmatik dalam teks juga dapat dilihat iaitu untuk mengukuhkan pernyataan tentang kualiti produk dan menerapkan nilai persuasif dalam iklan tersebut. Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan bahawa teks memberikan peranan dalam pemahaman metafora visual bagi sesuatu iklan. Pengaplikasian teori metafora visual oleh Forceville dalam kajian ini membantu memberi pemahaman tentang metafora konseptual yang dimanifestasi secara visual dalam pengiklanan.

Kajian lepas terakhir ialah kajian oleh Jenna Hartel dan Reijo Savolainen (2016). Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji metafora bergambar dalam penyampaian maklumat iaitu mengenal pasti domain sumber dan implikasi penggunaan metafora terhadap pemahaman pembaca dalam menyampaikan maklumat. Kajian ini melibatkan 2000 korpus lukisan asal tentang sesuatu maklumat. Data korpus ini diperolehi daripada iSquare dan proses sistematik digunakan untuk proses mengenal

pasti, menganalisis dan mentafsir metafora bergambar. Kajian ini menggunakan teori metafora kognitif sebagai kerangka teori utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 125 metafora bergambar yang dikenal pasti. Domain yang tertinggi ialah domain alam semula jadi. Antara metafora bergambar yang paling banyak dikenal pasti ialah maklumat sebagai pokok, maklumat sebagai web, dan maklumat sebagai mentol lampu. Kesimpulannya, kajian ini memberi perspektif baharu tentang konsep penyampaian maklumat melalui metafora. Penggunaan metafora bergambar dapat menyumbang kepada pemahaman pembaca tentang sifat dan peranan metafora dalam membentuk konseptual pembaca.

2.3 Kajian Metafora dalam Filem

Sharipah Nur Mursalina (2017) telah menulis makalah yang membincangkan soal penggunaan perkataan dan ungkapan dalam dialog metafora melalui filem *Puteri Gunung Ledang* dengan menghujahkan bahawa masyarakat Melayu terkenal dengan watak yang lemah lembut dan sopan termasuklah dengan cara mereka bercakap dan bergaul. Dalam menyampaikan mesej, percakapan mereka juga secara tidak langsung menghadirkan makna yang berlainan dari makna asalnya. Berdasarkan hasil dapatan, terdapat pelbagai jenis penggunaan perkataan dan ungkapan dalam dialog metafora yang berorientasikan unsur semulajadi termasuklah anatomi, flora dan fauna, tingkah laku, barangan kemas dan makanan. Misalnya dalam penggunaan ungkapan metafora berunsurkan anatomi iaitu struktur tubuh badan manusia, haiwan ataupun tumbuh-tumbuhan banyak digunakan dalam filem tersebut. Contohnya penggunaan kata 'hati' yang bukan sahaja merujuk kepada fizikal malah merujuk juga kepada perasaan dan emosi manusia. Selain itu, metafora berunsurkan alam semulajadi misalnya 'gunung' yang merujuk kepada harapan atau impian yang ingin dicapai, metafora berunsurkan flora dan fauna yang berorientasikan haiwan misalnya 'jinak-jinak burung merpati' (pemalu) dan 'berpura-pura mencari ayam' (berpura-pura atau menyembunyikan sesuatu), metafora berunsurkan tingkah laku manusia atau haiwan misalnya 'junjung kasih' (menunjukkan kesetiaan kepada pemerintah) dan 'sudah ku cincang kau' yang merujuk kepada menghancurkan kehidupan orang lain). Berdasarkan hasil analisis tersebut, membuktikan bahawa terdapat hubungan yang erat antara masyarakat Melayu dengan alam semulajadi yang dinyatakan dalam bentuk metafora. Jelas di sini bahawa walaupun ada kajian metafora dalam filem tetapi perbincangannya lebih kepada gaya bahasa dan kurang menyetnuh tentang makna metafora yang digunakan dalam filem secara mendalam menggunakan teori yang berpadu.

Selain itu, Carlo Comanducci (2010) turut menjalankan kajian tentang metafora dalam filem. Objektif kajian tersebut adalah untuk menjelaskan metafora dalam filem digunakan dan melihat kepada bentuk metafora konvensional dan non-konvensional diaplikasikan dalam perfileman. Dua filem telah digunakan dalam kajian ini iaitu "*District 9*" karya Neil Blomkamp dan "*2012*" karya Roland Emmerich. Kajian ini menggunakan teori interaksi metafora dari Max Black untuk memenuhi objektif kajian. Analisis kajian telah memfokuskan kepada interaksi antara struktur metafora, personifikasi dan ideologi dalam filem tersebut. Kajian ini juga telah menggunakan pendekatan metafora kognitif untuk menjelaskan gambaran terhadap pemahaman pengkaji tentang ekspresi yang bersifat metaforikal, perumpamaan, personifikasi, montaj, naratif dan struktur konseptual dalam filem. Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan antara struktur metafora dan personifikasi membawa peranan penting untuk menyampaikan ideologi dalam filem. Dalam filem tersebut, metafora juga digunakan untuk menjelaskan makna konotatif konteks tertentu. Kesimpulannya, kajian ini melihat secara terperinci tentang teori metafora kognitif dalam menganalisis konsep metafora dalam filem. Pengaplikasian teori metafora Max Black ini dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang cara bahasa filem menggunakan metafora dalam ideologi dalam konteks perfileman.

Seterusnya ialah kajian oleh Eduardo Urios-Aparisi (2014) yang menjalankan kajian tentang perbandingan metafora dan metonimi dalam filem *Lost in Translation* oleh Sofia Coppola dan *Map of The Sounds of Tokyo* oleh Isabel Coixet. Kajian ini dijalankan untuk melihat penggunaan pengulangan (repetition), metafora (metaphor) dan metonimi (metonymy) dalam kedua-dua filem tersebut untuk melihat cara unsur tersebut digunakan untuk menyumbang kepada perkembangan kepada watak dalam filem. Kajian ini juga mengaplikasikan Teori Metafora Konseptual untuk memenuhi tujuan kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen pengulangan, metafora dan metonimi mempunyai peranan penting dalam mewujudkan makna dan melihat kepada representasi mesej dalam filem tersebut. Pengaplikasian teori ini juga dapat menunjukkan bagaimana elemen makanan, aktiviti dan benda diberi

unsur metafora yang disesuaikan dengan identiti sesuatu negara. Kesimpulannya, melalui kajian ini dapat dijelaskan bahawa elemen pengulangan, metafora dan metonimi penting untuk memaknakan sesuatu emosi dan merepresentasi masyarakat serta membentuk naratif dalam perkembangan watak bagi sesuatu filem.

Akhir sekali, Maarten Coegnarts (2019) mengkaji tentang perkaitan antara metafora dan filem untuk memahami sifat dan perkaitan antara bahasa, filem dan metafora konseptual. Maarten Coegnarts menyatakan bahawa metafora konseptual boleh dilihat dalam filem melalui sifat visual sesuatu filem atau sumber sinematikinya seperti pemingkaian (*framing*) dan metonimi. Terdapat perkaitan antara teknik penghasilan filem dan mesej yang disampaikan untuk membentuk skema imej bagi sesuatu metafora dan juga menghasilkan metafora konseptual. Metonimi juga memainkan peranan yang penting untuk menghubungkan andaian skema imej kepada domain sasaran yang bersifat abstrak. Misalnya, dalam kajian kes daripada filem *The Conversation* karya Francis Ford Coppola. Dalam kajian kes tersebut, metafora dilihat melalui metonimi dengan pemetaan skema imej ke domain sasaran. Misalnya, skema imej *DAYA* yang dibentuk berdasarkan persepsi dan emosi. Melalui filem tersebut, penonton berkemungkinan untuk memetakan logik inferens skema imej kepada domain sasaran abstrak yang kemudiannya disimpulkan secara metonimi berdasarkan kepada kandungan visual dalam filem tersebut. Andaian metafora yang dikenal pasti dianalisis dengan mempertimbangkan domain sasaran yang dilihat daripada perspektif persepsi watak dan emosi. Kesimpulannya, penulis menekankan bahawa struktur filem dan sumber sinematik seperti *framing* penting untuk menginterpretasi metafora supaya mesej yang berbentuk abstrak dan tersirat daripada pengarang dapat difahami oleh penonton. Kajian ini mempunyai persamaan daripada aspek kajian metafora bergambar, tetapi ia tidak memfokuskan kepada metafora dalam semantik kognitif sebaliknya metafora bergambar tersebut dilihat daripada aspek sinematografi.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif kerana melibatkan analisis kandungan yang ditranskripsi daripada filem sebagai data kajian. Kajian ini dihasilkan untuk memenuhi dua objektif iaitu mengenal pasti dan menganalisis unsur metafora yang terkandung dalam filem *Imaginur*. Ujaran yang mengandungi unsur metafora dikenal pasti dan dianalisis menggunakan teori Hibrid. Teori hibrid dipilih sebagai teori kajian ini kerana ia merupakan teori terkini yang mengkaji tentang metafora berbanding dengan teori metafora lain. Dalam proses pengumpulan data bagi analisis metafora yang terdapat dalam filem *Imaginur*, data diperoleh dengan membuat transkripsi dialog dalam filem tersebut secara manual. Kemudian, hasil transkripsi diteliti untuk mengeluarkan data yang berunsur metafora. Data berunsur metafora ini dikenal pasti dengan menggunakan Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM). Melalui kaedah PPM, pengkaji akan melihat kepada keseluruhan filem dan transkripsi untuk membentuk pemahaman umum tentang makna filem tersebut. Kemudian, unit-unit leksikal dalam teks dikenal pasti untuk menentukan makna asas dan makna berdasarkan konteks. Data bersifat metaforikal yang dikenal pasti akan dikelompokkan dan dianalisis untuk memenuhi objektif kajian.

3.1 Data Kajian: Filem *Imaginur*

Kajian ini menggunakan data daripada filem *Imaginur*. *Imaginur* merupakan sebuah filem tempatan yang merupakan hasil arahan Nik Amir Mustapha. Minat beliau terhadap minda manusia yang kompleks berjaya melahirkan sebuah filem yang berdurasi satu jam dan 30 minit bertemakan cinta dan keluarga dengan gambaran elemen hipnosis. Filem ini mengisahkan tentang cinta seorang lelaki, Zuhail yang mengalami serangan panik dan kemurungan selepas putus cinta dengan kekasihnya, Yasmin. Zuhail juga sering bermimpi tentang seorang wanita iaitu Nur. Keadaan Zuhail bertambah teruk apabila dia perlu menjaga bapanya yang menghidap penyakit alzheimer. Zuhail kemudiannya disarankan oleh seorang wanita tua untuk menjalani rawatan hipnosis untuk pemulihan. Rawatan hipnosis yang dijalani oleh Zuhail membawanya bertemu dengan Nur di alam realiti.


Hasil karya yang menarik ini terbukti apabila filem *Imaginur* menjadi wakil Malaysia ke New York (Serimah Mohd Sallehuddin, 2022). *Imaginur* merupakan salah satu filem yang tercalon dalam kelompok lapan filem Asia untuk merebut anugerah Filem Cereka Terbaik dalam Festival Filem Asia

New York (NYAFF) pada tahun 2022. Pencalonan ini merupakan pencapaian positif filem tersebut kerana pada ketika itu, *Imaginur* masih belum ditayangkan dalam pawagam tempatan. Filem ini juga dikatakan sebagai sebuah filem yang boleh memberi inspirasi dan dijadikan rujukan kepada penuntut di sekolah seni dan bakal pengarah filem sebagai penanda aras penghasilan filem yang baik (Azuwan Ahmad, 2023).

Imaginur dipilih sebagai data kajian ini kerana penceritaannya yang mempunyai banyak elemen tersirat. Menurut Syafil Syazwan Jefri (2023), penonton turut menyifatkan penceritaan dalam filem ini sebagai naskhah penuh ‘pertanyaan’ dan sesuatu yang ‘luar kotak’. Elemen metafora yang wujud dalam filem ini menyebabkan penonton tidak dapat memahami mesej tersirat yang disampaikan oleh pengarah. Oleh itu, filem ini sesuai dijadikan bahan dalam kajian ini.

3.2 Kerangka Teori Hibrid

Kajian ini mengaplikasikan teori hibrid oleh Tendahl (2008). Teori Hibrid ini yang diperkenalkan oleh Tendahl dalam “*A Hybrid Theory of Metaphors : Relevans Theory and Cognitive Linguistics*”. Pengkaji memilih untuk mengaplikasikan teori Hibrid dalam kajian ini kerana teori Hibrid merupakan pendekatan terkini dalam kajian metafora bagi bidang semantik kognitif. Teori Hibrid merupakan gabungan dua bidang kajian linguistik yang berbeza iaitu linguistik kognitif dan bidang pragmatik melalui teori relevans. Kemudian, teori Hibrid ini diolah semula oleh ahli linguistik lain dengan memasukkan model Proses Tiga Serangkai (Triple Processing Process) oleh Stover (2010). Model Proses Tiga serangkai ini terbahagi kepada tiga tahap iaitu proses simulasi, proses pentaabiran dan proses simulasi.



Rajah 1 : Model Proses Tiga Serangkai (Rozaimah Rashidin, 2016)

Proses pertama dalam model Tiga Serangkai ialah proses simulasi. Proses simulasi berlaku melibatkan pendekatan semantik kognitif dengan proses pemetaan dua domain yang menghasilkan skema imej, metafora konseptual dan metonimi konseptual. Seterusnya, proses pentaabiran. Proses pentaabiran adalah melibatkan penggunaan teori Relevans iaitu konsep *ad hoc*. Oleh itu, konsep *ad hoc* ini ialah andaian-andaian yang dibina untuk memberi pemahaman tentang makna sesuatu leksikal. Proses terakhir ialah proses metarepresentasi. Proses ini berbeza mengikut pengalaman dan pemahaman seseorang terhadap sesuatu perkara. Ia merupakan satu proses penting untuk penonton atau pembaca membentuk inferens melalui pengaplikasian konsep *ad hoc*.

3.3 Bentuk Metafora: Metafora Linguistik, Metafora Konvensional dan Metafora Bergambar

Seterusnya, bahagian ini akan menjelaskan tentang kerangka konsep bentuk metafora yang diaplikasikan dalam analisis iaitu bentuk metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora bergambar

3.3.1 Metafora Linguistik

Metafora linguistik ialah metafora yang hadir dalam ayat, ujaran, kata atau frasa dan bersifat metaforikal. Menurut Kovecses (2010), proses pemetaan dua domain merupakan salah satu aspek dalam metafora linguistik dalam sistem konseptual manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana proses pemetaan domain konkrit ke domain abstrak akan menghasilkan metafora konseptual.

3.3.2 Metafora Konvensional

Metafora konvensional pula merupakan penggunaan kata bagi menyatakan sesuatu makna yang lain, namun berbeza dengan makna literal perkataan tersebut. Dalam konteks bahasa Melayu, metafora jenis ini merupakan penggunaan ujaran, kata, frasa, klausa dan ayat yang bersifat kiasan atau perbandingan seperti perumpamaan, peribahasa, simpulan bahasa, analogi dan lain-lain (Rozaimah Rashidin, 2016). Metafora jenis ini juga dikenali sebagai metafora mati (*dead metaphor*) kerana penggunaannya adalah tetap, iaitu fungsi dan bentuknya tidak boleh diubah. Hal ini kerana metafora konvensional telah didokumentasikan secara rasmi melalui kamus berwibawa serta penggunaannya telah diterima pakai dan diguna secara meluas oleh masyarakat (Rozaimah Rashidin, 2016).

3.3.3 Metafora Bergambar

Metafora bergambar atau *pictorial metaphor* merupakan salah satu konsep dalam semantik kognitif yang diperkenalkan oleh Forceville (1996). Menurut Forceville, sesuatu gambar boleh mengandungi metafora yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu makna lebih daripada makna secara literal, seperti penggunaan metafora dalam bahasa verbal. Metafora bergambar hadir apabila sesuatu elemen visual (sasaran) dibandingkan dengan elemen visual (sumber) yang tergolong daripada kategori atau kerangka makna yang berlainan.

3.4 Metafora Konseptual

Metafora konseptual yang dikemukakan oleh Lakoff & Johnson (2003: 10-32) merupakan hasil daripada pembinaan mental manusia berdasarkan prinsip analogi yang melibatkan konseptualisasi di antara sesuatu unsur dengan suatu yang lain. Metafora daripada perspektif linguistik kognitif lebih dikenali sebagai metafora konseptual yang didefinisikan sebagai pemahaman terhadap sesuatu domain abstrak dalam domain konkrit (Lakoff & Johnson, 1980). Dengan erti kata lain, metafora “...is defined as understanding one conceptual domain in terms of another conceptual domain. A convenient shorthand way of capturing this view metaphor is the following: CONCEPTUAL DOMAIN A IS CONCEPTUAL DOMAIN B, which is called conceptual metaphor” (Kovecses, 2010: 4). Ini bermaksud domain A merupakan domain sasaran yang berunsurkan entiti abstrak dan domain B pula merupakan domain sumber yang merupakan entiti konkrit. Selain daripada itu, metafora konseptual juga merangkumi pemindahan daripada domain sumber ke domain sasaran. Metafora konseptual ini juga merupakan set pemetaan daripada domain sumber bersifat konkrit kepada satu domain yang abstrak. Ini bermaksud komponen abstrak ini dijelaskan dengan berbantuan komponen yang lebih konkrit (Lakoff & Johnson, 1980). Metafora konseptual merupakan hasil proses pemetaan dua domain semasa proses konseptualisasi. Hal ini bermakna, metafora konseptual merupakan pemahaman makna yang tercetus daripada pemetaan set yang melibatkan kedua-dua domain tersebut. Bentuk metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora bergambar yang mengalami proses pemetaan dua domain ini akan menghasilkan metafora konseptual.

4. Dapatan Kajian

Analisis metafora dalam filem *Imaginur* dilaksanakan dengan mengaplikasikan konsep *ad hoc*, domain sumber, skema imej, metafora konseptual dan metonimi konseptual. Hasil penelitian menunjukkan bahawa terdapat tiga bentuk metafora yang digunakan dalam filem *Imaginur* iaitu metafora bergambar,

metafora linguistik dan metafora konvensional. Bentuk metafora paling tinggi ialah metafora linguistik, diikuti dengan metafora bergambar dan juga metafora konvensional. Metafora konvensional merupakan bentuk metafora yang paling banyak dikenal pasti kerana filem ini merupakan filem genre cinta dan keluarga, yang berlatarbelakangkan kepada masyarakat moden. Analisis sampel metafora yang diambil secara rawak bertujuan telah menghasilkan skema imej seperti skema imej OBJEK, skema imej PENGHUBUNG, skema imej BEKAS dan lain-lain.

Metafora konseptual yang terbentuk merupakan pembentukan metafora bagi unsur EMOSI, MINDA, MEMORI dan FIKIRAN. Pembentukan metafora berunsur emosi, minda, memori dan fikiran ini adalah bersesuaian dengan mesej yang disampaikan oleh pengarang kepada penonton filem ini. Hal ini dikatakan demikian kerana *Imaginur* merupakan sebuah filem yang menceritakan tentang Zuhail yang mengalami tekanan dan serangan panik disebabkan oleh tekanan hidup yang dialaminya. Keadaan tersebut turut memberi kesan kepada kehidupan seharian Zuhail dan orang-orang disekelilingnya.

Analisis Data Kajian

Data 1 : Metafora bergambar (MB1)


Jadual 1 : Data metafora bergambar (MB1)

Masa	Watak	Data Metafora
0:08:01	Ayah Zuhail	: Kawan ye? Siapa nama?
0:08:06	Yasmin	: Haa, Yasmin.
		
0:08:12	Haikal	: Haikal, <i>uncle</i> .
0:08:15	Zuhail	: Abah.
0:08:17	Haikal	: Eh, jomlah kita. Banyak kerja lagi ni.
0:08:30	Zuhail	: Min, tunggu nak cakap kejap.
0:08:34	Yasmin	: <i>What?</i>
0:08:36	Zuhail	: Siapa tadi tu?
0:08:38	Yasmin	: <i>Not this again? Come on, Zuhail. I told you, kan?</i>
0:08:41	Zuhail	: <i>Told me what, hah?</i>
0:08:46	Yasmin	: Tu kan tunang <i>I</i> .
0:08:47	Zuhail	: Tunang? Apa ni, <i>you</i> curang?
0:08:52	Yasmin	: Zuhail, dahlah.

Antara bentuk metafora dalam penghasilan filem ini ialah metafora bergambar. Dalam kajian ini, metafora bergambar dipilih dengan melihat sama ada sesuatu elemen visual (sasaran) dibandingkan dengan elemen visual (sumber) yang tergolong daripada kategori atau kerangka makna yang berlainan. Metafora bergambar yang kenal pasti dalam babak ini ialah pemakaian cincin oleh watak Yasmin. Yasmin menyampaikan mesej tentang status hubungan antara Yasmin dan Haris kepada Zuhail dengan cara mengelus rambut sebelum cincin tersebut ditutup semula dengan tangan yang lain. Cincin ini kenal pasti sebagai metafora bergambar kerana dalam adat Melayu, cincin digunakan sebagai tanda hubungan pertunangan antara lelaki dan perempuan. Ia disebut sebagai ‘cincin tanda’ yang dihantar daripada pihak lelaki kepada pihak perempuan semasa upacara bertunang atau merisik (Kogila Sunder Raj, 2018).

Konsep *Ad Hoc*

Gambaran ini memberikan beberapa andaian yang boleh dianalisis menggunakan konsep *ad hoc*. Konsep *ad hoc* yang sesuai digunakan untuk menganalisis metafora bergambar ini ialah *ad hoc* penyempitan. *Ad hoc* penyempitan digunakan pada elemen yang bersifat kabur dan mempunyai andaian-andaian lain bagi elemen tersebut. Andaian-andaian bagi metafora bergambar cincin ini diletakkan dalam gambar rajah vens seperti berikut :



Rajah 2 : Pemetaan *ad hoc* penyempitan bagi MB1

Rajah di atas menunjukkan pemetaan andaian *ad hoc* penyempitan bagi MB1. Andaian-andaian ini dibuat berdasarkan kepada konteks babak tersebut iaitu Zuhail yang terkejut melihat cincin yang dipakai oleh Yasmin. Yasmin menunjukkan cincin tersebut secara tidak langsung semasa bercakap dengan Ayah Zuhail. Perbuatan Yasmin itu mendorong kepada perbualan antara Yasmin dan Zuhail tentang status hubungan mereka. Oleh itu, domain sasaran yang sesuai bagi data MB1 ialah CINTA.

Pemetaan domain



Rajah 3: Pemetaan domain sumber kepada domain sasaran bagi data MB1

Domain sumber bagi data MB1 ialah IKATAN. CINTA diandaikan sebagai perasaan kasih dan sayang terhadap seseorang dan juga perhubungan antara individu. Dalam konteks MB1 ini, mesej yang disampaikan melalui domain CINTA ini ialah status Yasmin yang sudah mempunyai ikatan pertunangan dengan Hariz. CINTA ditunjukkan melalui perbuatan Yasmin yang menunjukkan cincin yang dijarinya semasa pertemuan mereka di pasar raya. Mesej ini juga disampaikan daripada Yasmin kepada Zuhail untuk memberi penjelasan bahawa hubungan mereka yang telah berakhir. Oleh itu, jelaslah bahawa domain sasaran bagi data MB1 ialah CINTA.


Skema Imej

Skema imej merujuk kepada penyusunan pengalaman dalam bentuk imej. Skema imej terhasil daripada beribu-ribu imej yang ada dalam leksikon. Ia merupakan sesuatu bentuk abstrak yang akan disandarkan kepada bentuk yang konkrit (Siti Nur Izzaty Salit & Norsimah Mat Awal, 2017). Lakoff (1987) menyatakan terdapat lima skema imej yang bersifat neutral iaitu skema bekas, skema keseluruhan-sebahagian, skema penghubung, skema pusat-pinggiran dan skema sumber-laluan-matlat. Skema imej yang bersesuaian dengan data MB1 ialah skema imej PENGHUBUNG dan skema imej OBJEK. Skema imej ini akan menjelaskan makna metafora CINTA yang disampaikan dalam babak ini.



Rajah 4 : Skema imej PENGHUBUNG (Sumber : CANVA)

Skema imej yang terbentuk ialah penghubung. Dalam konteks babak ini, perkenalan antara Haris dan Yasmin menimbulkan perasaan cinta dan kasih sayang sehingga mereka menjalinkan ikatan pertunangan. Selain itu, konsep penghubung juga dapat dilihat pada hubungan antara Zuhail dan Yasmin. Zuhail dan Yasmin pernah mempunyai hubungan kekasih sebelum mereka berpisah. Kedua-dua ikatan ini wujud kerana mereka mempunyai perasaan cinta antara dua individu. Selepas mereka berpisah, Yasmin menjalinkan ikatan pertunangan dengan kekasih baharunya iaitu Haris. Ikatan tersebut juga lahir atas dasar perasaan cinta antara mereka. Oleh itu, jelaslah bahawa metafora konseptual CINTA IALAH IKATAN dapat menjelaskan makna bagi data MB1.




Rajah 5 : Skema imej OBJEK (Sumber : CANVA)

Metafora konseptual lain yang terbentuk bagi domain CINTA ini ialah OBJEK. Dalam konteks filem ini, hubungan CINTA tersebut dizahirkan melalui pemakaian sebarang cincin sebagai tanda hubungan yang terjalin telah membawa kepada ikatan pertunangan. Yasmin memakai sebarang cincin yang merupakan cincin pertunangannya dengan Haris. Pemakaian cincin tersebut juga merupakan metonimi konseptual yang menjadi perlambangan kepada domain CINTA. Oleh itu, data MB1 menghasilkan dua metafora konseptual iaitu CINTA IALAH IKATAN dan CINTA IALAH OBJEK serta metonimi konseptual CINCIN MELAMBANGKAN IKATAN PERTUNANGAN.

Rantai Konseptual CINTA

Penerapan teori Hibrid untuk penginterpretasian makna frasa metafora bergambar ini menghasilkan rantai konseptual CINTA. Makna bagi metafora bergambar cincin dianalisis menggunakan *ad hoc* penyempitan yang menghasilkan andaian implikatur perlambangan kepada sesuatu hubungan*. Dalam konteks data ini, penggunaan cincin dikaitkan dengan perasaan sayang yang mendalam dan sebagai tanda dua pihak mempunyai hubungan. Babak filem ini dikatakan mempunyai metafora bergambar kerana Yasmin ingin memberitahu kepada Zuhail tentang statusnya sebagai tunang kepada Haris, dan secara tidak langsung mengingatkan Zuhail tentang hubungannya dengan Yasmin yang telah berakhir. Seterusnya, skema imej yang terhasil daripada metafora bergambar ini ialah skema imej OBJEK dan PENGHUBUNG. Proses simulasi menunjukkan bahawa metafora konseptual yang terhasil ialah CINTA IALAH IKATAN dan CINTA IALAH PENGHUBUNG. Metafora konseptual ini terbentuk dengan pemetaan domain CINTA yang hadir dengan wujudnya perasaan kasih sayang antara dua individu yang membawa kepada jalinan hubungan. Metafora konseptual yang terbentuk juga merujuk kepada hubungan cinta antara Zuhail dan Yasmin yang telah berakhir, dan ikatan pertunangan antara Haris dan Yasmin. Metonimi konseptual yang turut terhasil dalam data ini ialah CINCIN MELAMBANGKAN IKATAN PERTUNANGAN. Oleh itu, rantai konseptual CINTA yang terhasil bagi metafora bergambar ini adalah seperti berikut :



Rajah 6: Rantai konseptual bagi metafora bergambar cincin


Data 2 : Metafora Linguistik (ML)

Jadual 2 : Data metafora linguistik dalam Imaginur


Masa	Watak	Data Metafora
0:20:57	Ramli	: Kau duduklah dulu dekat situ. Aku <i>set up</i> kan <i>equipment</i> .
0:21:08	Ramli	: Orang kata aku buat pseudosains, macam bomoh. Tu sebab susah nak dapat geran.
0:21:20	Ramli	: Aku akan <i>hypnotized</i> kau dulu. Dan, kita akan <i>switch off</i> kau punya <i>prefrontal cortex</i> . Otak kita ni ada gate yang macam filter. Kita kena buka gate tu dulu.
0:21:38	Zuhal	: Lepastu?
0:21:39	Ramli	: Lepastu, <u>kita masuk</u> . Dan <u>kita perbetulkan, macam betulkan rumah</u> . Kita pergi balik dan kita pandang daripada perspektif baru.

Konsep Ad Hoc

Bentuk metafora kedua yang telah dikenal pasti ialah metafora linguistik. Data metafora linguistik ini dipilih berdasarkan penelitian terhadap ujaran yang bersifat metaforikal dan tidak dikelompokkan sebagai metafora konvensional. Dalam kajian ini, metafora linguistik yang dikenal pasti adalah dalam ujaran oleh watak Ramli iaitu kita masuk (ML1) dan kita perbetulkan, macam betulkan rumah (ML2). Kedua-dua data metafora linguistik ini membawa kepada pembinaan ad hoc penyempitan. Frasa kita masuk ini dianggap metafora linguistik kerana Ramli mengandaikan Zuhal akan pergi ke dalam alam memorinya semasa menjalani rawatan hipnoterapi tersebut. Terdapat beberapa andaian yang dikeluarkan bagi data ML1, iaitu :


Rajah 7 : Pemetaan konsep *ad hoc* penyempitan bagi leksikal ML1.

Bagi data ML2 pula, andaian dibuat berdasarkan ujaran kita perbetulkan, macam betulkan rumah. Dalam konteks ini, Ramli menerangkan bahawa Zuhal akan melalui proses mengingati semula perkara yang telah dilalui, dan membuang ingatan yang memberi kesan buruk terhadapnya. Proses tersebut akan membantu untuk merawat keadaan kesihatan Zuhal. Antara andaian-andaian yang dibuat bagi data ML2 ialah :



Rajah 8 : Pemetaan konsep *ad hoc* penyempitan bagi ML2

Pemetaan domain




Rajah 9: Pemetaan domain sumber kepada domain sasaran bagi ML1 dan ML2

Domain sumber bagi data ML1 dan ML2 ialah MEMORI. MEMORI diandaikan sebagai satu tempat yang menyimpan maklumat atau pengalaman lampau. Dalam konteks data ini, mesej yang disampaikan melalui domain ini ialah melalui rawatan hipnoterapi yang dijalani oleh Zuhail, Zuhail boleh pergi semula ke dalam kotak memorinya untuk mengimbas kembali ingatannya terhadap masa lampau serta mengurangkan beban dalam fikirannya. Rawatan tersebut juga merupakan cara untuk menangani serangan panik dan tekanan yang dihadapi oleh Zuhail. Dengan ini, jelaslah bahawa domain bagi data ML1 dan ML2 ini ialah TEMPAT YANG DITUJU.

Skema Imej



Rajah 10 : Skema imej OBJEK (Sumber : CANVA)




Rajah 11 : Skema Imej BEKAS (Sumber : Google)

Seterusnya, data ML1 dan ML2 menghasilkan skema imej yang sama iaitu skema imej OBJEK dan skema imej BEKAS. Frasa-frasa ini menghasilkan skema imej OBJEK kerana ia mempunyai unsur kebendaan yang boleh dituju atau mempunyai ruang untuk penyimpanan yang akan diisi oleh sesuatu barang. Dalam konteks kajian ini, data ML1 dan ML2 ini diujarkan semasa proses hipnoterapi dilakukan oleh Ramli kepada Zuhail. Ramli menjelaskan bahawa Zuhail akan masuk ke alam memori untuk mendapatkan semula ingatannya tentang perkara yang telah berlaku dalam kehidupannya, sekaligus untuk mengurangkan beban dalam otaknya supaya tekanan dan serangan panik yang dihadapi Zuhail beransur pulih. Kedua-dua data ini menghasilkan metafora konseptual yang sama iaitu MEMORI IALAH BEKAS dan MEMORI IALAH OBJEK. Bagi data ML2 pula, metonimi RUMAH MELAMBANGKAN MEMORI turut terhasil. Metonimi konseptual ini merujuk kepada tempat yang akan dituju oleh Zuhail semasa menjalani hipnosis.

Rantau Konseptual MEMORI

Penginterpretasian makna metafora linguistik bagi frasa **kita masuk** dan **kita perbetulkan, macam betulkan rumah** menghasilkan rantau konseptual MEMORI. Makna bagi kedua-dua frasa yang bersifat metaforikal ini dianalisis menggunakan *ad hoc* penyempitan. Andaian implikatur yang terhasil ialah pergi ke dalam* dan memperbaiki keadaan*. Dalam konteks ini, memori digambarkan sebagai sebuah tempat tujuan kerana proses hipnosis yang dijalani oleh Zuhail akan membawanya masuk ke dalam bahagian otak yang mengandungi memori sebagai usaha untuk memulihkan keadaan Zuhail. Memori juga dikatakan sebagai satu entiti abstrak kerana ia tidak dapat disentuh dan dilihat dengan mata kasar. Oleh itu, leksikal MEMORI dalam data ini merujuk kepada pengalaman seseorang yang berbeza.

Seterusnya, skema imej yang terhasil daripada data metafora linguistik ini ialah skema imej OBJEK dan skema imej BEKAS. Hasil daripada proses simulasi membawa kepada pembentukan metafora konseptual iaitu MEMORI IALAH OBJEK dan MEMORI IALAH BEKAS. Kedua-dua metafora konseptual ini terbentuk dengan adanya pemetaan domain MEMORI. Metafora konseptual yang terbentuk ini juga merujuk kepada rawatan hipnoterapi yang dijalani oleh Zuhail untuk memulihkan ingatannya. Data metafora linguistik ini turut menghasilkan metonimi konseptual iaitu RUMAH MELAMBANGKAN MEMORI. Oleh itu, rantau konseptual MEMORI yang terhasil bagi frasa **kita masuk** dan **kita perbetulkan, macam betulkan rumah** adalah berikut :



Rajah 12: Rantau konseptual bagi metafora linguistik ML1 dan ML2

Data 3 : Metafora Konvensional (MK1)

Bentuk metafora terakhir yang dalam filem *Imaginur* ini ialah metafora konvensional. Data yang mengandungi metafora konvensional adalah seperti berikut :

Jadual 3 : Data metafora konvensional dalam *Imaginur*

Masa	Watak	Data Metafora
0:55:01	Zuhal	: Fiksyen ke <i>non-fiction</i> , bah?
0:55:05	Ayah zuhal	: Kau ni.. <i>fiction non fiction</i> pula. Tapi abah ingat, satu bab ni dia cerita, kita wujud sebab orang nampak kita. Jadi, kalau kita hidup sorang sorang, kita tak wujud?
0:55:23	Zuhal	: Apa jawab dia, bah?
0:55:26	Ayah Zuhal	: Jawabnya, apa kita rasa? Sebab itu orang cakap <u>hati perut. Perut kena isi, baru hati dapat merasa.</u> Kalau baca buku tu, setiap kali kita ulang, rasa dia lain. Rasa, zuhal. Rasa itu penting. Pelik kan? Abah selalu ingat apa yang abah rasa terhadap mak kamu. Rasa rindu. Rasa sayang dekat adik kau, dekat kau. Tapi, nak pakai baju sendiri pun dah tak ingat.


Metafora konvensional telah dikenal pasti dalam ujaran oleh Ayah Zuhal iaitu frasa **hati perut**. Frasa **hati perut** merupakan frasa metafora konvensional kerana ia merupakan sejenis peribahasa. Bagi

metafora konvensional, konsep *ad hoc* yang diaplikasikan ialah *ad hoc* peluasan. *Ad hoc* peluasan ini akan dilakukan dengan mengeluarkan beberapa andaian. Andaian yang sesuai dipilih berdasarkan konteks dalam filem ini. Antara andaian yang diwujudkan daripada frasa ***hati perut*** ialah :

- 1) Organ hati dan bahagian badan
- 2) Rasa kasih dan sayang
- 3) Sifat bertimbang rasa
- 4) Simpati
- 5) Kecerdasan emosi dan fizikal


Berdasarkan andaian-andaian yang dikeluarkan untuk mencari maksud yang sesuai dengan konteks penggunaannya, andaian tersebut dibuat kerana frasa ***hati perut*** mempunyai perkaitan dengan hati dan perasaan. Penelitian terhadap keseluruhan konteks mendapati bahawa frasa ***hati perut*** membawa maksud perasaan kasih dan sayang. Pemilihan andaian ini merujuk kepada konteks perbualan oleh Zuhail dan Ayah Zuhail. Ayah Zuhail mengatakan tentang keadaannya yang lebih peka terhadap perasaannya terhadap isteri dan anak-anaknya, tetapi tidak mampu untuk menjaga diri sendiri. Keadaan tersebut dipengaruhi oleh keadaan kesihatan beliau sebagai penghidap Alzheimer.

Seterusnya ialah proses pemetaan domain yang membentuk skema imej dan metafora konseptual. Pemetaan domain sumber dan domain sasaran dinyatakan seperti yang berikut:



Rajah 13 : Pemetaan domain bagi MK1


Skema imej



Rajah 14 : Skema imej IKATAN (Sumber : CANVA)

Seterusnya ialah skema imej. Berdasarkan penelitian terhadap konteks frasa ***hati perut*** digunakan, skema imej yang terhasil ialah berbentuk ikatan. Hal ini dikatakan demikian kerana frasa tersebut menunjukkan perkaitan hubungan dan perasaan kasih sayang antara seorang bapa terhadap anak dan isterinya. Oleh itu, metafora konseptual yang terhasil ialah KASIH IALAH IKATAN.

Skema imej yang kedua ialah aturan linear. Skema imej hati perut digambarkan seperti di bawah:




Rajah 15 : Skema imej ATURAN LINEAR

Frasa hati perut membentuk skema imej aturan linear kerana ia mempunyai unsur pengaliran dan dikaitkan dengan masa dan perbuatan. Fasa yang terlibat dalam pengaliran frasa hati perut ialah bermula dengan “berkenalan”, “perasaan sayang” dan seterusnya “ingatan”. Pengaliran ini menunjukkan bahawa perasaan kasih sayang boleh dipupuk dalam perkenalan dengan, dan membawa kepada ingatan tentang seseorang yang dikasihi. Dengan ini, jelaslah bahawa frasa hati perut membentuk kepada metafora konseptual KASIH IALAH ATURAN LINEAR.

Rantau Konseptual KASIH

Hasil daripada pengaplikasian teori Hibrid bagi frasa hati perut menghasilkan rantau konseptual KASIH. Frasa hati perut diinterpretasi menggunakan *ad hoc* peluasan yang menghasilkan andaian implikatur iaitu perasaan kasih dan sayang*. Dalam konteks ini, frasa hati perut dikaitkan dengan perasaan kasih dan sayang terhadap seseorang kerana dalam konteks ujaran tersebut, Ayah Zuhail mengatakan tentang keadaan dirinya yang masih peka dengan keadaan isteri dan anak-anaknya walaupun dirinya seorang penghidap Alzheimer dan sering lupa perkara yang berkaitan dengan diri sendiri. Konsep hati perut ini jika ditafsir secara literal membawa maksud organ dan bahagian badan manusia iaitu hati dan perut. Walau bagaimanapun, hati perut juga merupakan entiti abstrak yang merujuk kepada emosi dan perasaan. Oleh itu, leksikal KASIH dalam data ini merujuk kepada perasaan kasih dan sayang kepada seseorang.

Skema imej yang terhasil daripada metafora konvensional ini ialah skema imej IKATAN dan ATURAN LINEAR. Dalam proses simulasi menunjukkan bahawa metafora konseptual yang terhasil ialah KASIH IALAH IKATAN dengan pemetaan domain IKATAN disasarkan kepada perasaan yang hadir disebabkan wujudnya pertalian antara individu. Metafora konseptual yang terhasil juga ialah KASIH IALAH ATURAN LINEAR. Hal ini dapat dilihat pada perasaan kasih yang masih wujud terhadap anak dan isterinya walaupun Ayah Zuhail sendiri lupa tentang keadaan diri sendiri. Oleh itu, rantau konseptual KASIH yang terhasil bagi metafora konvensional hati perut adalah seperti berikut :



Rajah 16 : Rantau konseptual bagi data MK1.

5. Kesimpulan

Bentuk metafora yang digunakan dalam penghasilan filem *Imaginur* ini merangkumi ketiga-tiga bentuk metafora iaitu metafora linguistik, metafora bergambar dan metafora konvensional. Hasil kajian mendapati bahawa bentuk metafora yang paling banyak digunakan dalam filem *Imaginur* ialah metafora linguistik, diikuti dengan metafora bergambar dan juga metafora konvensional. Dapatan kajian ini dipengaruhi oleh latar belakang dan genre filem tersebut yang merupakan sebuah filem bertemakan kasih sayang dan kekeluargaan, serta cereka sains. Ketiga-tiga bentuk metafora ini menghasilkan beberapa metafora konseptual seperti CINTA, MEMORI, FIKIRAN dan KEHIDUPAN.

Penggunaan metafora konseptual ini bertepatan dengan jalan penceritaan filem *Imaginur* iaitu sebuah filem berlatarbelakangkan masyarakat moden yang kurang menggunakan ujaran berbentuk metafora konvensional atau metafora mati. Kajian yang dijalankan ini menyumbang kepada peluasan kajian semantik, khususnya semantik kognitif dan pengaplikasian Teori Hibrid. Pengaplikasian Teori Hibrid dalam proses menganalisis makna metafora juga mampu menghuraikan makna metafora secara lebih jelas dan menyeluruh. Kajian ini juga memberi pandangan baharu untuk melihat bentuk metafora iaitu metafora bergambar yang disesuaikan daripada Forceville (1996), khususnya bagi kajian metafora

bahasa Melayu dalam bidang semantik. Oleh itu, kajian tentang metafora linguistik, metafora konvensional dan metafora bergambar perlu diperluaskan lagi dalam karya seni Melayu supaya nilai seni berbahasanya dapat difahami oleh kelompok masyarakat.

Rujukan

- Alousque, I. N. (2015). The Role of Text in The Identification of Visual Metaphor in Advertising. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 212 (2015) 309 – 315
- Azuwan Ahmad (2023). Sediakan trofi dan berikan kepada Imaginur. Bandar Aktiviti Seni Kuala Lumpur.
- Carlo Comanducci. (2010). Metaphor and Ideology in Film. [unpublished Master's degree thesis. University of Birmingham.
- Coëgnarts, M. (2019). Analyzing metaphor in film: Some conceptual challenges. In I. Navarro i Ferrando (Ed.), *Current Approaches to Metaphor Analysis in Discourse* (pp. 295-320). Berlin, Boston: De Gruyter Mouton.
<https://doi.org/10.1515/9783110629460-014>
- Eduardo Urios-Aparisi (2014). Figures of Film : Metaphor, Metonymy and Repetition. *Image & Narrative*. Vol. 15, No.1 (2014).
- Forceville, C. (1996). *Pictorial Metaphor in Advertising*. London : Routledge.
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). *Pengantar Estetik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hartel, J., & Savolainen, R. (2016). Pictorial Metaphors for Information, *J. Documentation*, 72, 794-812.
- Kogila Sunder Raj (2018). Adat Bertunang : Satu Kajian Perbandingan Antara Etnik Melayu Dengan Etnik India. *Jurnal Wacana Sarjana*. Vol. 3 (2) Sept 2018:1-9
- Kövecses, Zoltan. (2010). *Metaphor: a practical introduction* 2nd Edition. Oxford: Oxford University Press.
- Lakoff, G, & Johnson, M. (1980). *Metaphors We Live By*. University of Chicago Press.
- Lakoff, G. 1993. *The contemporary theory of metaphor*. Dlm. Andrew, O. (pnyt.). *Metaphor and thought*, hlm. 202-251. Chambridge University Press
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Penerbit UKM.
- Rozaimah Rashidin, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Metafora Kasih dalam Karya Agung Melayu: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Linguistik*, 17(1), 19-28.
- Rozaimah Rashidin. (2016). *Metafora Emosi dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu : Analisis Teori Hibrid*. [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozaimah Rashidin et al. (2023). *Kajian Ekolinguistik dalam Temu Bual Isu Covid-19 dan Kemurungan di Pulau Tuba, Langkawi Malaysia*. Universiti Teknologi MARA. Wacana Ilmu Persatuan Linguistik Malaysia.
- Rozaimah Rashidin, Nor Umiumairah Mohamad & Zuraidah Jantan. (2023). Metafora Akal, Kehidupan dan Fikiran dalam Buku Falsafah Hidup Karya Hamka. *Jurnal Bahasa*, 23 (1),113-146.
- Serimah Mohd Salehuddin. (2022). Imaginur Wakil Malaysia ke New York. *Berita Harian Online*.
- Sharipah Nur Mursalina Syed. Azmy. (2017). Metaphorical words and expressions: Film reviews based on the dialogue in Puteri Gunung Ledang (The princess of Mount Ledang). *International Journal of English Linguistic*, 7(6), 221-227. doi: <https://doi.org/10.5539/ijel.v7n6p221>
- Siti Nur Izzaty Salit & Norsimah Mat Awal (2017). Unsur Feminisme Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik*. Vol. 21 (2) Disember 2017(015-023).
- Stöver, Hanna. (2010). *Metaphor and Relevance Theory : A New Hybrid Model* [Disertasi kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Bedfordshire.
- Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran-Ho Abdullah. (2017). Kehidupan Adalah Perjalanan: Analisis Metafora Konseptual dalam Salina dan La Vie Devant Soi. *Akademika* 87(1), April 2017 : 198-205.
- Syafil Syazwan Jefri (2023). Naskhah Penuh 'Pertanyaan'. *Harian Metro Online*.
- Tendahl, M. (2009). A Hybrid Theory of Metaphors : Relevance Theory and Cognitive Linguistics. *Palgrave Macmillan*.
- Wan Nur Hasyimah Wan Mohd Apandi & Ahmad Rashidi Yan Ibrahim. (2018). Metafora dalam Seni Kontemporari. *Jurnal Ideology* 3 (2). pp. 165-170. ISSN 2550-214X
- Wang, W. J. (2021). Pictorial and Multimodal Metaphors in Informational Picture Books for Children—A Case Study. *Open Journal of Modern Linguistics*, 11, 761-785.
- Zainal Abidin Ahmad. (2000). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*. Edisi Baharu. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Penulis

Syahidah Ameera Mohd Helmi merupakan calon sarjana dari Pusat Pengajian Pascasiswazah (Penyelidikan), Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor Malaysia. Bidang kajian linguistik yang diminati ialah semantik dan pragmatik.

Rozaimah Rashidin (PhD) ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah semantik, pragmatik, semiotik visual dan linguistik korpus.

LAMPIRAN

Masa	Watak	Data Metafora	Bentuk Metafora	Ad Hoc	Skema Imej	Domain Sumber	Metafora Konseptual	Metonimi Konseptual
0:08:01 0:08:06	Ayah Zuhal Yasmin	Kawan ye? Siapa nama? Haa, Yasmin.  	Bergambar	Penyempitan	OBJEK PENGHUBUNG	OBJEK IKATAN	CINTA IALAH OBJEK CINTA IALAH IKATAN	CINCIN MELAMBANGKAN IKATAN PERTUNANGAN
0:08:12 0:08:15 0:08:17 0:08:30 0:08:34 0:08:36 0:08:38 0:08:41 0:08:46 0:08:47 0:08:52	Haikal Zuhal Haikal Zuhal Yasmin Zuhal Yasmin Zuhal Yasmin Zuhal Yasmin	Haikal, <i>uncle</i> . Abah. Eh, jomlah kita. Banyak kerja lagi ni. Min, tunggu nak cakap kejap. <i>What?</i> Siapa tadi tu? <i>Not this again? Come on, Zuhal. I told you, kan?</i> <i>Told me what, hah?</i> Tu kan tunang <i>I</i> . Tunang? Apa ni, <i>you</i> curang? Zuhal, dahlah.						
			Bergambar	Penyempitan	OBJEK KITARAN WARNA	OBJEK KITARAN	KEHIDUPAN IALAH OBJEK KEHIDUPAN IALAH KITARAN KEHIDUPAN IALAH WARNA	OBJEK BERPUSING MELAMBANGKAN KEHIDUPAN WARNA HITAM DAN PUTIH MELAMBANGKAN KEHIDUPAN

0:21:20	Ramli	Aku akan <i>hypnotized</i> kau dulu. Dan, kita akan <i>switch off</i> kau punya <i>prefrontal cortex</i> . <u>Otak kita ni ada gate yang macam filter. Kita kena buka gate tu dulu.</u> Lepastu?	Linguistik	Penyempitan	OBJEK	OBJEK	MEMORI IALAH OBJEK	
0:21:38	Zuhal	Lepastu, <u>kita masuk</u> . Dan <u>kita perbetulkan, macam betulkan rumah</u> . Kita pergi balik dan kita pandang daripada perspektif baru.	Linguistik	Penyempitan	BEKAS OBJEK	BEKAS OBJEK	MEMORI IALAH BEKAS MEMORI IALAH OBJEK	RUMAH MELAMBANGKAN MEMORI
0:21:39	Ramli	<i>Test test. Demo video</i> nombor 47 untuk Hypnotica, fasa pertama. Subjek akan melalui proses hipnosis dan kemudian <u>kita akan membawa dia memasuki alam memori</u> . Dan subjek adalah Zuhal, umur 34, dan mempunyai masalah <i>panic attack</i> .	Linguistik	Penyempitan	BEKAS BEKAS	BEKAS BEKAS	MEMORI IALAH BEKAS MEMORI IALAH BEKAS	ALAM MELAMBANGKAN MEMORI
0:22:16								
0:22:52								
		So Zuhal, kau fokus pada titik tengah ni. <u>Bayangkan badan kau tengah cair. Dalam minda kau, kau boleh terbang ke mana-mana saja</u> . Kau lupa kan Yasmin tu. Kau cari benda yang kau kena cari. Sekarang, pejamkan mata kau. Dan dalam kiraan lima. Lima, empat, tiga, dua, satu.	Linguistik	Penyempitan	TATATINGKAT	TATATINGKAT	MINDA IALAH BEKAS MINDA IALAH TATATINGKAT DI ATAS	CECAIR MELAMBANGKAN KETENANGAN TERBANG MELAMBANGKAN KEBEBASAN
1:08:19	Nur	So kita dekat mana sekarang?	Linguistik	Penyempitan	LALUAN	PERJALANAN	CINTA IALAH PERJALANAN	
1:08:23	Zuhal	Stesen, kan?						
1:08:25	Nur	Kita. <u>Kita dekat mana sekarang?</u>	Linguistik	Penyempitan	LALUAN	PERJALANAN	CINTA IALAH PERJALANAN	
			Bergambar	Penyempitan	OBJEK PENGHUBUNG	OBJEK IKATAN	CINTA IALAH OBJEK CINTA IALAH IKATAN	CINCIN MELAMBANGKAN IKATAN PERKAHWINAN
1:08:44	Nur	<i>Look, Zuhal. I nak, I nak sangat kita macam dulu. I nak ada dengan you, susah senang. You sakit ke you sihat ke, we can go through it all.</i>						
1:09:23	Zuhal	<u>I kena clearkan kepala I dulu</u> . Ada sebab benda ni semua jadi.	Linguistik	Penyempitan	DAYA TATATINGKAT	DAYA TATATINGKAT	MINDA IALAH DAYA MINDA IALAH TATATINGKAT DI ATAS	KEPALA MELAMBANGKAN MINDA
1:09:34	Nur	<i>You tak boleh gantung I macam ni je</i> , Zuhal. <i>This is not fair. What do you want? Kalau taknak, just, just call it off.</i>	Linguistik	Penyempitan	TATATINGKAT PENGHUBUNG	TATATINGKAT IKATAN	HUBUNGAN IALAH TATATINGKAT DI ATAS HUBUNGAN IALAH IKATAN	

0:18:29	Ramli	Katakanlah, <i>this is your life. Dua titik. Satu garisan lurus. Linear.</i> Dan, kerja aku adalah nak buat ni. Ha ni. Dah macam <i>burger</i> lah. Kau lapar tak? Aku lapar lah. Memori kita, <i>funky</i> . Ada yang <i>real</i> , ada yang macam <i>real</i> . Tapi selalunya kita yang buat dia <i>real</i> . Kau, macam ni.	Linguistik	Penyempitan	OBJEK ATURAN LINEAR	OBJEK ATURAN LINEAR	KEHIDUPAN IALAH OBJEK KEHIDUPAN IALAH PERJALANAN	DUA TITIK MELAMBANGKAN KEHIDUPAN GARISAN MELAMBANGKAN KEHIDUPAN
0:19:08	Ramli	 Contoh, kau dekat sini. Kau tak boleh gerak ke depan. Kau <i>stuck</i> . Selalunya disebabkan ada trauma <u><i>dalam hidup kau</i></u> . Trauma kau ni. Sebab tu kau tak boleh <i>move on</i> tak pergi mana. <u><i>Kau macam ada dinding kat sini. Jadi, apa kita buat? Kita buang trauma ni.</i></u> Dan kita perbetulkan apa yang tak betul dekat sini.	Bergambar	Penyempitan	LALUAN	PERJALANAN	KEHIDUPAN IALAH PERJALANAN	GARISAN MELAMBANGKAN KEHIDUPAN
			Linguistik	Penyempitan	BEKAS	BEKAS	KEHIDUPAN IALAH BEKAS	
			Linguistik	Penyempitan	DAYA OBJEK	DAYA OBJEK	TRAUMA IALAH DAYA TRAUMA IALAH OBJEK	DINDING MELAMBANGKAN TRAUMA

[illegible]